




KATALOG

SUMBER TANAH & ALAM SEKITAR



SIRI 2



PENGENALAN

Penerbitan Katalog Sumber Tanah dan Alam Sekitar Siri 2 (Katalog Peta Siri 2) adalah merupakan terma rujukan dan skop bidang aktiviti utama Kumpulan Kerja Penerbitan (KKP) di bawah Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Sumber Tanah dan Alam Sekitar (JTPSTAS) bagi menyelaraskan, menyediakan, menerbitkan dan memaparkan katalog data geospasial bagi pengurusan sumber tanah dan alam sekitar.

Katalog Peta Siri 2 menyenaraikan ketersediaan produk peta dan data geospasial yang terkini khususnya berkaitan pengurusan sumber tanah dan alam sekitar yang diterbitkan oleh agensi-agensi kerajaan. Melalui katalog peta ini, orang ramai boleh menghubungi terus agensi-agensi kerajaan yang berkenaan untuk mendapatkan produk peta dan maklumat geospasial tersebut dengan mematuhi prosedur tapisan dan arahan keselamatan terhadap dokumen geospasial terperingkat.

Penerbitan Katalog Sumber Tanah dan Alam Sekitar Siri 2 ini melibatkan 4 agensi kerajaan iaitu:-

1. Jabatan Perhutanan Sabah
2. Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN)
3. Jabatan Perancang Bandar dan Desa (PlanMalaysia)
4. Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia


Semoga penerbitan katalog peta ini dapat meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan dan seterusnya memastikan pencapaian objektif pengurusan sumber tanah dan alam sekitar negara yang dipelihara, dilindungi dan diurus secara lestari.

ISI KANDUNGAN

KATALOG SUMBER TANAH DAN ALAM SEKITAR - SIRI 2

Pengenalan	01
JABATAN PERHUTANAN SABAH (PETA TERHAD)	
Kawasan Hutan Di Sabah (2021-2022)	02
JABATAN PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR DAN TAMAN NEGARA (PERHILITAN) SEMENANJUNG MALAYSIA (PETA TERHAD)	
Kawasan Perlindungan Semenanjung Malaysia	03
JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA (PLANMalaysia)	
Peta Guna Tanah Perancangan : Guna Tanah Semasa	04
Peta Guna Tanah Perancangan : Guna Tanah Komited	05
Peta Guna Tanah Perancangan : Guna Tanah Zoning	06
Peta Guna Tanah Perancangan : Guna Tanah Kajian Perancangan	07
JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA (PETA TERHAD)	
Peta Pengkelasan Hutan Simpanan Kekal Mengikut Kelas Fungsi Hutan	08
Peta Litupan Kawasan Berhutan	09

KAWASAN HUTAN DI SABAH (2021-2022)



METADATA

Maklumat
Identifikasi

Peta ini menunjukkan kawasan ber hutan Negeri Sabah bagi tahun 2021 - 2022. Skala peta ialah 1:1,370,000 atau pada skala tertentu mengikut daerah, kawasan atau jenis-jenis sumber hutan.

Tapisan Keselamatan bagi memperolehi dan mengendalikan data terhadap perlu mematuhi Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2007 : Arahan Keselamatan Terhadap Dokumen Geospasial Terperingkat.

Tarikh

07/06/2024

Penerbit

Jabatan Perhutanan Sabah

KAWASAN PERLINDUNGAN SEMENANJUNG MALAYSIA



METADATA

Maklumat Identifikasi


Kawasan Perlindungan merupakan kawasan yang diwartakan secara khusus untuk perlindungan habitat hidupan liar bermula dari tahun 1903 sehingga kini. Kawasan Perlindungan ini meliputi kawasan Taman Negara dan Rizab Hidupan Liar yang terletak di seluruh Semenanjung Malaysia yang ditadbir urus oleh Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia di bawah peruntukan Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716], Akta Taman Negara 1980 [Akta 226], Enakmen-Enakmen Taman Negara (Pahang, Kelantan, Terengganu) 1938/39 dan Kanun Tanah Negara 1965 [Akta 56/1965].

Tapisan Keselamatan bagi memperolehi dan mengendalikan data terhad perlu mematuhi Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2007 : Arahan Keselamatan Terhadap Dokumen Geospasial Terperingkat.

Tarikh 22/03/2023

Penerbit Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia

PETA GUNA TANAH PERANCANGAN : GUNA TANAH SEMASA



METADATA

Maklumat Identifikasi

Merujuk kepada penggunaan tanah sedia ada di atas tanah termasuk ciri-ciri semula jadi atau binaan manusia, contohnya badan air, hutan, kediaman, perindustrian, infrastruktur dan kawasan lapang. Perubahan guna tanah yang berlaku di atas setiap tapak/lot dikemaskini dan dipaparkan dalam Sistem I-Plan.

Tapisan Keselamatan bagi memperolehi dan mengendalikan data terhad perlu mematuhi Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2007 : Arahan Keselamatan Terhadap Dokumen Geospasial Terperingkat.


Tarikh

Dikemaskini setiap enam (6) bulan

Penerbit

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)

PETA GUNA TANAH PERANCANGAN : GUNA TANAH KOMITED



METADATA

Maklumat
Identifikasi

Merujuk kepada penggunaan tanah berkenaan dengan pembangunan seperti berikut:-

- Telah diberi Kebenaran Merancang (KM) dalam tempoh sah laku; dan
- Telah memulakan kerja tanah atau pembinaan, tetapi belum dikeluarkan Sijil Siap dan Pematuhan (CCC).

Guna tanah komited ini tidak dipapar dan tidak dibekalkan kepada umum. Hanya kegunaan peringkat dalaman PLANMalaysia sahaja .

Tapisan Keselamatan bagi memperolehi dan mengendalikan data terhad perlu mematuhi Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2007 : Arahan Keselamatan Terhadap Dokumen Geospasial Terperingkat.

Tarikh

Dikemaskini setiap enam (6) bulan

Penerbit

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)

PETA GUNA TANAH PERANCANGAN : GUNA TANAH ZONING



METADATA

Maklumat Identifikasi

Merujuk kepada penggunaan tanah yang telah dizonkan untuk pembangunan masa depan berdasarkan Rancangan Tempatan (RT) yang diwartakan. Contohnya badan air, hutan, perumahan, perindustrian, infrastruktur dan kawasan lapang.

Tapisan Keselamatan bagi memperoleh dan mengendalikan data terhad perlu mematuhi Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2007 : Arahan Keselamatan Terhadap Dokumen Geospasial Terperingkat.


Tarikh

Dikemaskini jika terdapat penggantian perubahan Rancangan Tempatan

Penerbit

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)

PETA GUNA TANAH PERANCANGAN : GUNA TANAH KAJIAN PERANCANGAN



METADATA

Maklumat
Identifikasi

Merujuk kepada kajian berskala nasional dengan melibatkan kawasan di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan meliputi pelbagai aspek pembangunan, termasuk penggunaan tanah, infrastruktur, persekitaran, dan kesejahteraan masyarakat dan lain-lain seperti Kajian Penentuan Sempadan Kampung dan Penandaan Kedudukan Spatial Kemudahan Awam Kampung, Kajian Pelan Induk Rangkaian Ekologi (Central Forest Spine), Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara, Pelan Induk Perancangan Gunatanah Kawasan Sumber Makanan Negara (KAGUMN) dan sebagainya.

Tapisan Keselamatan bagi memperolehi dan mengendalikan data terhad perlu mematuhi Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2007 : Arahan Keselamatan Terhadap Dokumen Geospasial Terperingkat.


Tarikh

Mengikut keperluan

Penerbit

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)

PETA PENGKELASAN HUTAN SIMPANAN KEKAL MENGIKUT KELAS FUNGSI HUTAN



METADATA

Maklumat
Identifikasi


Maklumat Pengkelasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) Mengikut Kelas Fungsi Hutan menerangkan kawasan Hutan Simpanan Kekal yang telah dikelaskan mengikut seksyen 10, Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313). Pengarah Perhutanan Negeri dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri hendaklah mengelaskan tiap-tiap Hutan Simpanan Kekal di bawah satu atau lebih pengelasan yang hendaklah menggambarkan maksud atau maksud-maksud yang tanah itu sedang digunakan atau dicadang hendak digunakan.

Tapisan Keselamatan bagi memperolehi dan mengendalikan data terhad perlu mematuhi Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2007 : Arahan Keselamatan Terhadap Dokumen Geospasial Terperingkat.

Tarikh 2023

Penerbit Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPMS)

PETA LITUPAN KAWASAN BERHUTAN



METADATA

Maklumat Identifikasi

Maklumat Litupan kawasan Berhutan adalah kawasan tanah yang dilitupi hutan berdasarkan definisi kawasan tanah yang meliputi kawasan yang mempunyai keluasan 0.5 hektar dengan mempunyai pokok-pokok berketinggian melebihi 5 meter pada tahap matang dan litupan kanopi/silara melebihi 10 peratus.

Tapisan Keselamatan bagi memperolehi dan mengendalikan data terhad perlu mematuhi Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2007 : Arahan Keselamatan Terhadap Dokumen Geospasial Terperingkat.

Tarikh 2022

Penerbit Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM)

PENGHARGAAN

**Jawatankuasa Audit Keselamatan Data
Geospatial (JAKG)**

Jabatan Perhutanan Sabah

**Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman
Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia**

**Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
(PLANMalaysia)**

**Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia
(JPSM)**

Pusat Geospatial Negara (PGN)



PENAFIAN: Dokumen ini tidak boleh dikemukakan dan digunakan di mahkamah

**Diterbitkan oleh:
Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Sumber Tanah
dan Alam Sekitar (JTPSTAS)**

Jawatankuasa Pemetaan dan Data Spatial Negara (JPDSN)